

BUKU KERJA BAHASA MELAYU

Beriliman

Berdasarkan Buku Teks KSSR SEMAKAN

BAHASA MELAYU

SJKC

国文 5A

100% Berdasarkan Buku Teks Baharu

KSSR
(SEMAKAN 2017)

- ♦ Menepati kehendak **KSSR Semakan** dan **DSKP**
- ♦ Menerapkan **Soalan KBAT**
- ♦ **Kamus Mini** Maksud dalam Bahasa Cina
- ♦ **Penilaian Tema** (Tema 1-4) Berpandukan Format Penilaian
- ♦ **Penilaian Pertengahan Tahun** merangkumi semua topik buku teks
- ♦ **Jawapan lengkap** disediakan



SUMBER
DIGITAL

Nama:

Kelas:

Sekolah:




Hari: _____

Tarikh: _____

Tema 1: Keluarga Tercinta
Rujukan Buku Teks: M.S. 14

MODUL DSKP Menulis DSKP 3.2.2

Tulis jawapan dengan memberikan alasan yang sesuai. **KBAT**

Aktiviti Musim Cuti Sekolah

1 Mengapakah aktiviti seperti yang ditunjukkan dalam gambar wajar kita lakukan?

2 Apakah aktiviti yang kamu lakukan bersama-sama dengan keluarga pada musim cuti sekolah? Mengapakah kamu melakukan aktiviti tersebut?

**KAMUS
MINI**

musim: 季节

wajar: 应该的

Tahap Penguasaan	Sangat terhad	Terhad	Memuaskan	Baik	Sangat baik	Cemerlang



Hari: _____ Tarikh: _____

Tema 1: Keluarga Tercinta
Rujukan Buku Teks: M.S. 16

MODUL DSKP Tatabahasa DSKP 5.1.1(iv)

A Lengkapkan petikan dengan penjodoh bilangan.

papan batang tongkol potong keping ikat

Puan Lim membeli sayur di pasar pagi. Beliau mahu membeli beberapa 1 _____ jagung. Anak Puan Lim suka makan jagung rebus. Beliau juga membeli tiga 2 _____ petai untuk dimasak sambal petai dan juga se 3 _____ sayur bayam yang segar. Selepas itu, Puan Lim singgah di gerai Mak Midah untuk membeli beberapa 4 _____ kuih lapis.

B Tandakan (✓) bagi penjodoh bilangan yang paling sesuai.

1 Abang menyerahkan

sepapan	
segugus	

 kunci kepada ayah untuk disimpan.

2 Kakak mengutip

sebuku	
sebiji	

 sabun yang terjatuh di lantai bilik air.

3 Puan Ayu membeli dua

keping	
pasang	

 baju kurung untuk anak bongsunya.

4 Nenek mencedok kuah dengan menggunakan

sebilah	
sebatang	

 senduk.

KAMUS MINI	singgah: 停留	gerai: 摊子	mencedok: 舀取
-----------------------	-------------	-----------	--------------

Tahap Penguasaan	Sangat terhad	Terhad	Memuaskan	Baik	Sangat baik	Cemerlang



Penilaian Tema 1




Sistem Bahasa: Bahagian A

Kertas Pemahaman (Bahagian A)

Soalan 1 hingga 8

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



- 1 Kami berehat di _____ itu sambil menghirup udara segar.
A titi B jeti
C jejantas D jambatan
- 2 Ayah membawa nenek ke _____ untuk menjalani rawatan penyakit buah pinggang.
A Klinik Gigi Anugerah
B Institut Jantung Negara
C Pusat Dialisis Sejahtera
D Kolej Perubatan Gemilang
- 3 Keluarga Julia mengadakan majlis jamuan makan. _____ mengundang saudara-mara dan rakan-rakan.
A Kita B Kami
C Mereka D Beliau
- 4 "Ibu dan bapa _____ amat penyayang," kata Amin kepada adiknya.
A kita B kami
C saya D kalian
- 5 "Tarikh lahir ibu kamu _____?" tanya Lai Yee kepada Azlin.
A apa B mana
C siapa D bila
- 6 Kakak menyimpan dua _____ coklat di dalam peti sejuk.
A buah B bilah
C helai D papan
- 7 Puan Wong membeli tiga _____ benang berwarna biru.
A buku B biji
C butir D batang
- 8 Datuk meletakkan se _____ langsung dalam raga basikalnya.
A helai B gugus
C keping D tongkol
- 9 Lokasi taman perumahan itu tidak jauh dari pusat bandar.
Pilih perkataan sinonim bagi lokasi.
A kejadian
B kewujudan
C kedudukan
D keistimewaan
- 10 Keluarga Yusri tenang dan sabar semasa menghadapi dugaan.
Pilih perkataan antonim bagi tenang.
A sedih B cemas
C malas D kecewa

Pemahaman: Bahagian A

Kertas Pemahaman (Bahagian A)

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Mei Chin dan kakaknya anak yang rajin. Mereka sering membantu ibu mereka membuat kerja di rumah. Mereka tolong-menolong semasa melakukan pelbagai kerja seperti mengemas rumah, mencuci pakaian dan memasak.

Pada suatu hari, ibu Mei Chin mempunyai urusan kerja di pejabat. Beliau tidak sempat untuk menyidai pakaian yang telah dicucinya. Beliau telah meninggalkan sekeping nota pesanan untuk Mei Chin.

Apabila Mei Chin pulang dari sekolah, dia telah membaca nota tersebut. Mei Chin diminta oleh ibunya untuk mengeluarkan pakaian yang telah dicuci dari mesin basuh. Kemudian, dia perlu menyidai pakaian itu di luar rumah.

Mei Chin melakukan kerja tersebut tanpa berlengah. Dia tidak merungut apabila diminta melakukan kerja. Sebaliknya, dia berasa gembira kerana dapat membantu ibunya.

- 1 Siapakah yang meninggalkan nota pesanan kepada Mei Chin?
 - A ibu Mei Chin
 - B ayah Mei Chin
 - C kakak Mei Chin
 - D abang Mei Chin
- 2 Bilakah Mei Chin melakukan tugas yang disuruh oleh ibunya itu?
 - A pada masa cuti sekolah
 - B sebelum pergi ke sekolah
 - C selepas pulang dari sekolah
 - D selepas menyiapkan kerja sekolah
- 3 Mei Chin melakukan tugas yang disuruh oleh ibunya
 - A kerana dipaksa.
 - B dengan berat hati.
 - C selepas dimarahi ibunya.
 - D dengan tidak bertanggung.
- 4 Apakah sikap yang ditunjukkan oleh Mei Chin?
 - A rajin dan patuh
 - B bijak dan cekap
 - C ceria dan berani
 - D tenang dan cekal
- 5 Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.
 - A Mei Chin merupakan anak tunggal.
 - B Ibu Mei Chin seorang suri rumah.
 - C Mei Chin ringan tulang membantu ibunya.
 - D Mei Chin dan kakaknya tidak suka bekerjasama.

Sistem Bahasa: Bahagian B

Kertas Pemahaman (Bahagian B)

- A** Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah ini.

masa keluarga	rumah hubungan	aktiviti jamuan	tugasan hiburan
------------------	-------------------	--------------------	--------------------

Setiap individu perlu mengisi masa lapang dengan aktiviti yang bermanfaat.

① _____ yang bermanfaat akan membawa kebaikan dalam hidup kita. Sebagai contoh, kita sewajarnya meluangkan masa bersama-sama dengan ② _____. Apabila kita meluangkan masa bersama-sama dengan mereka, ③ _____ kekeluargaan akan menjadi erat. Kita juga perlulah membantu ibu dan bapa apabila mempunyai ④ _____ lapang untuk meringankan beban mereka. Mereka pasti berasa bangga apabila mempunyai anak yang taat dan rajin.

[4 markah]

- B** Padankan perkataan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.


1	"Tolong sampaikan surat ini kepada ayah _____," kata Encik Lim kepada Zali.	beliau
2	Puan Rina pandai membuat kuih koci. _____ mempelajari cara membuat kuih itu daripada ibunya.	sana
3	"Mari ke _____, David," panggil Encik Huat kepada budak lelaki itu.	kamu
4	Abang Meng Jun bekerja di Australia. Sudah dua tahun beliau bekerja di _____.	sini

[3 markah]

Hari: _____

Tarikh: _____


© Tandakan (✓) bagi penjodoh bilangan yang paling sesuai berdasarkan gambar.



1 Ibu Yi Man membeli dua

batang	
papan	

petai semasa di pasar tani tadi.




2 Abang membantu ayah mengangkat

sesikat	
setandan	

pisang nangka yang


diberi oleh datuk.



3 Nenek menyimpan empat

biji	
ulas	

nangka dalam bekas plastik.



4 Puan Ling menggunakan

sebutir	
sebuku	

keju untuk membuat biskut yang

enak.

[4 markah]